

Penilaian Pencapaian Objektif Pendidikan Program (PEO) Graduan Kolej Komuniti Sebagai Tenaga Kerja Berpengetahuan dan Berkemahiran

Performance Evaluation of the Program Educational Objectives (PEO) for Community College Graduates as Knowledgeable Skilled Workforce

Kaslia Kasiran¹, Karimah Umar², Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore^{3*}

¹Kolej Komuniti Kuala Langat, Jalan Sultan Suleiman Shah, 42700 Banting, Selangor, Malaysia.

Email: kaslia@kkkla.edu.my

²Kolej Komuniti Kuala Langat, Jalan Sultan Suleiman Shah, 42700 Banting, Selangor, Malaysia.

Email: karimah@kkkla.edu.my

³Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 46300, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: effendi@ukm.edu.my

ABSTRAK

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore
(effendi@ukm.edu.my)

KATA KUNCI:

Objektif Pendidikan Program
Penilaian Pencapaian
Kolej Komuniti
PEO

KEYWORDS:

Programme Educational Objectives
Performance Evaluation
Community College
PEO

CITATION:

Kaslia Kasiran, Karimah Umar, & Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore. (2022). Penilaian Pencapaian Objektif Pendidikan Program (PEO) Graduan Kolej Komuniti Sebagai Tenaga Kerja Berpengetahuan dan Berkemahiran. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(9), e001736.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i9.1736>

Pelaksanaan pendidikan berasaskan hasil (OBE) mewajibkan setiap program pengajian perlu mempunyai Objektif Pendidikan Program (Programme Educational Objectives) atau PEO. PEO perlu dibuat penambahbaikan secara bersepadu dengan penglibatan pihak-pihak berkepentingan (stakeholders) agar menepati keperluan dan kehendak mereka. Kajian ini bertujuan mengukur pencapaian PEO terhadap graduan Kolej Komuniti Kuala Langat (KKKL) bagi membolehkan sumbangan graduan KKKL kepada masyarakat dan industri dinilai dalam tempoh empat hingga lima tahun selepas menamatkan pengajian. Kajian ini menggunakan rekabentuk tinjauan dengan pendekatan kuantitatif melalui soal selidik. Seramai 386 orang graduan dipilih menggunakan teknik pensampelan rawak mudah daripada tujuh program pengajian yang ditawarkan di KKKL. Instrumen soal selidik merujuk kepada tiga PEO yang telah ditetapkan. Kertas kajian ini membincangkan dapatan bagi pencapaian PEO1 iaitu dalam penghasilan tenaga kerja dan usahawan yang berpengetahuan dan berkemahiran. Dapatan mencatatkan persetujuan yang tinggi daripada responden iaitu sebanyak 76.1%. Kajian ini memberikan implikasi melalui responden yang memberi maklumbalas bagi meningkatkan kualiti program pengajian yang ditawarkan untuk memenuhi pasaran dunia pekerjaan dan teknologi terkini. Kertas ini perlu diberikan perhatian kerana ia merupakan kajian rintis bagi kolej komuniti dalam melihat keberhasilan graduan dalam tempoh yang ditetapkan. Kajian lanjutan boleh dilakukan melalui objektif pendidikan program yang lain bagi melihat kemenjadian graduan secara holistik selari dengan visi dan misi kolej komuniti Malaysia khususnya.

ABSTRACT

The implementation of outcome -based education (OBE) requires that every program of study must have Program Educational Objectives (Program Educational Objectives) or PEO. PEOs need to be improved in an integrated manner with the involvement of stakeholders to meet their needs and desires. This study aims to measure the achievement of PEO on Kuala Langat Community College (KKKL) graduates to enable the contribution of KKKL graduates to society and industry to be evaluated within four to five years after graduation. This study uses a survey design with a quantitative approach through questionnaires. A total of 386 graduates were selected using a simple random sampling technique from seven study programs offered at KKKL. The questionnaire instrument referred to three predefined PEOs. This research paper discusses the findings for the achievement of PEO1 in the production of knowledgeable and skilled workforce and entrepreneurs. The findings recorded a high agreement from the respondents of 76.1%. This research provides implications through respondent's feedback to improve the quality of study programs offered to meet the world market of jobs and the latest technology. This paper deserves attention as it is a pilot study for community colleges in looking at graduate outcomes within a stipulated period. Further research can be done through other educational objectives program to see the future of graduates holistically in line with the vision and mission of Malaysian community colleges.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada pembuktian bukti empirikal melalui penilaian terhadap Objektif Pendidikan Program (Programme Educational Objectives) atau PEO yang diwajibkan bagi setiap program pengajian dalam konteks kolej komuniti. Kajian ini menggalakkan usaha untuk melihat keberhasilan graduan dalam tempoh yang ditetapkan bertujuan meningkatkan kualiti program pengajian sedia ada yang ditawarkan.

1. Pengenalan

Kolej Komuniti di bawah kelolaan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi merupakan sebuah institusi pengajian tinggi yang menyediakan keperluan latihan dan kemahiran kepada semua peringkat umur. Jumlah Kolej Komuniti di seluruh negara semakin bertambah bagi memenuhi permintaan dalam bidang kemahiran yang semakin meningkat. Sehingga kini, terdapat 102 buah Kolej Komuniti di seluruh negara yang menawarkan pelbagai program pengajian di peringkat Sijil dan juga Diploma.

Kolej Komuniti Kuala Langat (KKKL) adalah di antara salah sebuah Kolej Komuniti yang ditubuhkan pada 1 Mac 2003. Selama lebih dua dekad penubuhannya, KKKL telah menawarkan tujuh (7) program pengajian secara sepenuh masa iaitu Sijil Animasi 2D, Sijil Pengoperasian Perniagaan, Sijil Pelancongan dan Pengembaraan, Sijil Rekabentuk dan

Pembuatan Perabot , Sijil Teknologi Maklumat, Sijil Teknologi Elektrik dan Diploma Sound and Lighting Technology.

Setiap program pengajian yang ditawarkan disyaratkan untuk mendapatkan perakuan akreditasi daripada badan akreditasi/badan profesional seperti Malaysian Qualification Agency (MQA) dan Malaysian Board of Technologist (MBOT) sebagai suatu jaminan kualiti program.

Perakuan akreditasi ke atas program pengajian adalah melalui kerangka Pembelajaran Berasaskan Hasil (OBE). Salah satu bahagian dalam OBE yang perlu diukur ialah *Programme Educational Objectives* (PEO) atau Objektif Pendidikan Program. Secara umumnya, semua institusi di Malaysia perlu mengukur PEO bagi melihat kemenjadian graduan selepas 3 hingga 5 tahun bergraduasi dan keberhasilan program pengajian yang ditawarkan di sesebuah institusi berdasarkan kepada kemenjadian graduan. Terdapat tiga (3) PEO yang dibangunkan dan digubal bagi kesemua program pengajian di Kolej Komuniti. PEO ini mencerminkan ciri-ciri graduan yang dihasratkan setelah 3 hingga 5 tahun bergraduasi. PEO tersebut adalah seperti ditunjukkan dalam [Jadual 1](#).

Jadual 1: PEO Program Pengajian Kolej Komuniti

Programme Educational Objectives (PEO)	Butiran
PEO 1	Menghasilkan tenaga kerja dan usahawan yang berpengetahuan dan berkemahiran selari dengan keperluan semasa dan hasrat negara.
PEO 2	Menunjukkan kebolehan penyelesaian masalah secara inovatif, kreatif serta mengurus maklumat dengan baik melalui pendekatan pembelajaran sepanjang hayat.
PEO 3	Mempunyai kemahiran berkomunikasi dengan berkesan dan bekerjasama dengan kumpulan berasaskan etika kerja serta tanggungjawab sosial.

Justeru, kajian ini merupakan kajian rintis yang pertama dijalankan secara dalaman terhadap graduan KKKL bertujuan untuk menilai pencapaian objektif pendidikan program dalam penghasilan tenaga kerja dan usahawan yang berpengetahuan dan berkemahiran terhadap graduan kolej komuniti.

2. Kajian Literatur

2.1. Apa itu PEO?

Objektif Pendidikan Program (*Programme Educational Objectives*) atau PEO boleh didefinisikan sebagai pernyataan matlamat khusus untuk menggambarkan pencapaian yang diharapkan graduan beberapa tahun selepas tamat pengajian ([Rahman et al., 2016](#)). PEO membentuk salah satu elemen yang memerlukan penilaian bagi memastikan kesinambungannya selaras dengan misi dan visi sesebuah institusi ([Ab-Rahman et al., 2022](#)). [Abbadeni et al. \(2013\)](#) mendefinisikan PEO sebagai kenyataan menyeluruh yang menerangkan pencapaian graduan dari program tertentu yang perlu dicapai beberapa tahun selepas tamat pengajian PEO juga ditakrifkan sebagai matlamat khusus yang sejajar dengan visi dan misi sesebuah institusi pengajian tinggi. PEO berupaya menerangkan pencapaian jangkaan graduan dalam kerjaya dan pencapaian profesional mereka selepas tamat pengajian ([Pramono et al., 2020](#)). Pengkaji lepas turut menjelaskan PEO dalam

konteks kejuruteraan (Abbadeni et al., 2013; Jayaprakash, 2020; Sundaram, 2015). PEO untuk program ijazah kejuruteraan sarjana muda membentuk visi program untuk graduannya tiga hingga lima tahun selepas tamat pengajian. Jayaprakash (2020) pula mentakrifkan PEO bagi program ijazah kejuruteraan sebagai pernyataan yang menerangkan perkara yang diharapkan untuk dilaksanakan dan dicapai oleh graduan dalam beberapa tahun pertama selepas tamat pengajian. Dalam konteks Malaysia, PEO ialah kenyataan luas yang menggambarkan pencapaian jangkaan graduan dalam tempoh tiga hingga lima tahun tamat pengajian. Semua institusi di Malaysia perlu mengukur PEO (Hairi et al., 2019).

2.2. Amalan PEO di dalam dan luar negara

Amalan PEO telah diukur dalam konteks dalam dan luar negara seperti India (Jayaprakash, 2020; Rajak et al., 2019; Sundaram, 2015) Filipina (German et al., 2021), dan di Malaysia (Ab-Rahman et al., 2022; Hairi et al., 2019; Makinda et al., 2011; Pramono et al., 2020; Rahman et al., 2016). Literatur menunjukkan bahawa wujud keperluan bagi mengukur PEO bagi sesuatu program pengajian. Dalam konteks kolej komuniti di Malaysia, Hairi et al. (2019) menjelaskan bahawa PEO kolej komuniti masih belum diukur selepas lima tahun pelaksanaan program. Ini menunjukkan bahawa pengukuran PEO memerlukan perhatian mendalam untuk diterokai terutama melibatkan program dengan pelbagai jenis bidang. Literatur menunjukkan kajian PEO dilihat lebih banyak memfokus kepada bidang kejuruteraan dan teknikal sahaja (Ab-Rahman et al., 2022; German et al., 2021; Pramono et al., 2020; Rahman et al., 2016; Sundaram, 2015).

2.3. Apa yang memotivasikan kajian ke arah PEO ini?

Terdapat beberapa faktor utama bagi memotivasikan kajian PEO ini dalam konteks kolej komuniti. Faktor pertama ialah untuk memastikan kualiti graduan memenuhi kehendak industri. Faktor kedua ialah untuk mengetahui kualiti keberkesanan pengajaran dan pembelajaran meliputi strategi pembelajaran dan penilaian. Faktor ketiga ialah bagi memastikan pencapaian Penambahbaikan Kualiti Berterusan (CQI) kekal dalam kualiti terbaik. Faktor keempat pula ialah memenuhi keperluan badan akreditasi seperti MQA yang salah satunya perlu mematuhi aspek kualiti pelajar. Faktor terakhir ialah aspek kemenjadian pelajar. Hasil PEO dapat menjadi indikator bagi membuktikan pelajar memenuhi jangkaan industri dan komuniti.

2.4. Objektif Pendidikan Program (PEO1)

Dalam konteks kajian ini, PEO 1 bertujuan untuk mengukur penghasilan tenaga kerja dan usahawan yang berpengetahuan dan berkemahiran terhadap graduan kolej komuniti. Antara pengukuran yang diuji kepada pelajar kolej komuniti adalah seperti ditunjukkan dalam [Jadual 2](#).

Jadual 2: Item pengukuran PEO1

Kod PEO1	Item pengukuran
PEO1.1	Menguji tentang kelayakan akademik yang dimiliki di Kolej Komuniti melayakkan saya mengisi jawatan/melanjutkan pengajian atau mengikuti kursus lanjutan/professional dalam bidang yang bersesuaian.
PEO1.2	Menguji tentang pengetahuan dan kemahiran dalam tugas pekerjaan saya kini adalah hasil dari program yang saya ikuti di Kolej Komuniti.

PEO1.3	Menguji tentang pengetahuan dan kemahiran yang saya pelajari di Kolej Komuniti adalah selari dengan kerjaya yang saya ceburi.
PEO1.4	Menguji tentang program pengajian di Kolej Komuniti membantu saya mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran semasa menjalankan tugas.
PEO1.5	Menguji tentang kecenderungan dan minat saya terhadap bidang perniagaan wujud selepas mengikuti pengajian di Kolej Komuniti.
PEO1.6	Menguji tentang pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari di Kolej Komuniti membantu saya meneroka dan mengembangkan peluang perniagaan sebagai kerjaya yang mampu menjana pendapatan utama atau sampingan.

3. Metod Kajian

3.1. Rekabentuk kajian

Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian berbentuk tinjauan yang menggunakan pendekatan kaedah kuantitatif. Kaedah ini digunakan kerana lebih bersesuaian dengan kajian yang dijalankan memandangkan penglibatan bilangan responden yang ramai seperti mana kajian lepas ([Matore et al., 2021](#)).

3.2. Pensampelan

Responden kajian ini dipilih menggunakan teknik pensampelan rawak mudah mewakili populasi responden di Kolej Komuniti Kuala Langat (KKKL). Jumlah responden yang terlibat adalah seramai 386 orang graduan KKKL daripada tujuh program pengajian yang ditawarkan. Graduan ini telah menamatkan pengajian dari tahun 2012 hingga 2019. Jumlah sampel ini mencukupi seperti saranan ([Creswell, 2018](#)) yang menyatakan secara jangkakan kasar, jumlah 350 responden mencukupi bagi sesebuah kajian tinjauan.

3.3. Instrumentasi

Instrumen soal selidik yang mengandungi kesemua pernyataan PEO berserta ciri-ciri item yang membentuk setiap pernyataan disusun dan dibangunkan dengan merujuk kepada beberapa instrumen penilaian objektif pendidikan program sedia ada daripada beberapa kajian literatur. Sebanyak enam item telah dibangunkan untuk melihat pencapaian dalam penghasilan tenaga kerja dan usahawan yang berpengetahuan dan berkemahiran terhadap graduan KKKL. Item dalam soal selidik ini dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu Bahagian A, B, C dan D. Bahagian A adalah berkaitan dengan maklumat latar belakang responden, manakala Bahagian B pula untuk mendapatkan maklumat terkini responden sama ada bekerja, melanjutkan pengajian atau belum bekerja. Bahagian C adalah bertujuan untuk melihat penilaian pencapaian objektif program (PEO) berdasarkan kepada setiap pernyataan PEO yang dinyatakan. Skala Likert lima mata telah digunakan untuk kajian ini bagi mengukur penilaian setiap item daripada Sangat Setuju (5) hingga Sangat Tidak Setuju (1) berdasarkan penilaian sendiri ([Boone & Boone, 2012](#)).

3.4. Pentadbiran instrumen

Instrumen kajian ini telah dibina dan ditadbir menggunakan aplikasi *Google Forms* untuk memudahkan proses pengumpulan data. Pautan soal selidik diedarkan kepada responden melalui pelbagai medium seperti *whatsapp* dan *telegram group* bersama responden oleh Pegawai Perhubungan Industri dan Alumni, KKKL.

3.5. Kesahan instrumen

Instrumen kajian ini juga telah melalui proses kesahan kandungan oleh pakar dalam bidang sebelum diedarkan kepada responden. Panel pakar telah menyemak, memberi pandangan serta cadangan terhadap format, kandungan dan struktur gaya bahasa soal selidik. Seramai dua orang panel pakar yang mempunyai latar belakang pendidikan Doktor Falsafah dalam bidang TVET telah dilantik untuk menguji kesahan instrumen. Mereka adalah terdiri daripada Pensyarah Utama yang telah menulis dan membentangkan beberapa kertas kajian di seminar dan persidangan antarabangsa dan kebangsaan. Kedua-duanya berpengalaman luas dalam bidang penyelidikan merangkumi strategi pengajaran dan pembelajaran, pembangunan dan penilaian kurikulum, keusahawanan dan penerokaan perniagaan. Panel pakar yang dilantik juga pernah mengetuai bidang penulisan dan penerbitan serta merupakan Panel Penilai Persidangan/Kolokium yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). Selain itu, panel yang dilantik juga terlibat sebagai penggubal dalam pembangunan polisi dan program standard bagi badan akreditasi MQA. Segala komen dan teguran yang diterima daripada panel pakar ini telah diambil kira dan diguna pakai bagi menambahbaik maksud, bahasa dan kandungan soal selidik yang dibangunkan.

3.6. Kebolehpercayaan instrumen

Bagi menguji kebolehpercayaan item soal selidik, nilai Alpha Cronbach adalah dirujuk. Ujian statistik bagi mendapatkan nilai Alpha Cronbach telah dilakukan menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Science (SPSS)* versi 23. Nilai Alpha Cronbach bagi kesemua item soal selidik PEO1 adalah 0.918, manakala nilai Alpha Cronbach bagi setiap item yang terkandung di dalam PEO1 adalah seperti ditunjukkan dalam [Jadual 3](#). Nilai kebolehpercayaan bagi instrumen ini dianggap sebagai boleh dipercayai kerana nilai Alpha Cronbach adalah di antara 0.91 hingga 0.95.

Jadual 3: Nilai Alpha Cronbach Item PEO1

Kod PEO	Nilai Alpha Cronbach
PEO1.1	0.907
PEO1.2	0.901
PEO1.3	0.903
PEO1.4	0.895
PEO1.5	0.912
PEO1.6	0.903

4. Dapatan

4.1. Demografi responden

Secara keseluruhannya, seramai 386 orang responden terlibat dalam kajian ini. [Jadual 4](#) menunjukkan majoriti responden iaitu sebanyak 64.8% (250 orang) adalah terdiri daripada graduan lelaki, manakala selebihnya iaitu 35.2% (136 orang) merupakan graduan perempuan. Program Teknologi Elektrik/Pemasangan Elektrik mencatatkan peratus responden yang menjawab tertinggi iaitu sebanyak 37.3% (144 orang), diikuti oleh program Teknologi Maklumat/Aplikasi Komputer dengan peratusan sebanyak 17.9% (69 orang). Kedua-dua program ini merupakan program yang mendapat permintaan tinggi dengan jumlah pelajar yang ramai pada setiap semester.

Kebanyakan responden bekerja dalam sektor kerajaan dan swasta (termasuk NGO) dengan peratusan sebanyak 52.1% (201 orang), 30.1% (116 orang) pula sedang melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dan 9.6% (37 orang) responden pula menceburkan diri dalam bidang perniagaan, bekerja sendiri atau bekerja dengan keluarga. Manakala, peratusan yang kecil iaitu sebanyak 8.3% (32 orang) pula belum bekerja.

Jadual 4: Taburan Demografi Responden

Perkara	Kekerapan f	Peratus %
Jantina		
Lelaki	250	64.8
Perempuan	136	35.2
Bidang Pengajian		
Animasi 2D/Multimedia Kreatif Animasi	50	13.0
Teknologi Elektrik/Pemasangan Elektrik	144	37.3
Teknologi Maklumat/Aplikasi Komputer	69	17.9
Pelancongan dan Pengembaraan	61	15.8
Pengoperasian Perniagaan/Akuntansi	38	9.8
Rekabentuk dan Pembuatan Perabot	12	3.1
Diploma in Sound and Lighting Technology	12	3.1
Tahun Tamat Pengajian		
2012	1	0.3
2013	7	1.8
2014	27	7.0
2015	57	14.8
2016	39	10.1
2017	66	17.1
2018	120	31.1
2019	69	17.9
Status Graduan		
Pekerja kerajaan/pekerja swasta (termasuk NGO)	201	52.1
Ushawan/bekerja sendiri/freelance/bekerja dengan keluarga	37	9.6
Melanjutkan pengajian	116	30.1
Belum bekerja	32	8.3
Kesepadanan Pekerjaan Graduan		
Ya	106	52.7
Tidak	95	47.3
Taraf Jawatan		
Tetap	148	73.6
Kontrak	44	21.9
Sementara	9	4.5

Daripada jumlah responden yang bekerja, sebanyak 52.7% (106 orang) bekerja dalam bidang yang sama dipelajari semasa di KKKL, manakala selebihnya iaitu sebanyak 47.3%

(95 orang) pula adalah sebaliknya. Sebanyak 73.6% (148 orang) responden berjawatan tetap, 21.9% (44 orang) responden pula bekerja secara kontrak dan selebihnya 4.5% mewakili 9 orang responden bekerja sementara.

4.2. Dapatan kajian

Dapatan kajian ini dianalisis secara frekuensi kerana item merupakan Likert-Type Data yang unik dan berdiri sendiri (Boone & Boone, 2012). Jadual 5 menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju dengan kesemua item PEO1 yang disenaraikan. Bagi PEO1.1, sebanyak 80.5% adalah bersetuju, diikuti PEO1.2 (78.5%), PEO1.3 (71.8%), PEO1.4 (83.2%), PEO1.5 (69.2%), dan PEO1.6 (73.3%).

Jadual 5: Penilaian Pencapaian Objektif Pendidikan (PEO) Program dalam Penghasilan Tenaga Kerja dan Usahawan

Kod Item PEO	Sangat Setuju		Setuju		Tidak Pasti		Tidak Setuju		Sangat Tidak Setuju	
	f	%	f	%	f	%	f	%	f	%
PEO1.1	170	44.0	141	36.5	62	16.1	11	2.8	2	5.0
PEO1.2	164	42.5	139	36.0	62	15.0	15	3.9	6	1.6
PEO1.3	152	39.4	125	32.4	73	18.9	24	6.2	12	3.1
PEO1.4	189	49.0	132	34.2	55	14.2	7	1.8	3	0.8
PEO1.5	140	36.3	127	32.9	99	25.6	18	4.7	2	0.5
PEO1.6	151	39.1	132	34.2	86	22.3	14	3.6	3	0.8

Bagi pernyataan item PEO1.1 yang menguji tentang kelayakan akademik yang dimiliki di Kolej Komuniti melayakkan responden mengisi jawatan/melanjutkan pengajian atau mengikuti kursus lanjutan/professional dalam bidang yang bersesuaian, sebanyak 80.5% (311 orang) responden menyatakan persetujuan mereka terhadap pernyataan ini. Manakala, sebanyak 16.1% (62 orang) responden pula tidak pasti dan selebihnya iaitu sebanyak 7.8% (13 orang) responden pula tidak bersetuju dengan pernyataan ini.

Bagi pernyataan item PEO1.2 yang menguji tentang pengetahuan dan kemahiran dalam tugas pekerjaan kini adalah hasil dari program yang ikuti oleh responden di Kolej Komuniti pula, sebanyak 78.5% (303 orang) responden bersetuju dengan pernyataan ini, 15.0% (62 orang) responden pula tidak pasti dan sebanyak 5.5% (55 orang) responden tidak bersetuju dengan pernyataan ini.

Bagi pernyataan item PEO1.3 yang menguji tentang pengetahuan dan kemahiran yang pelajari oleh responden di Kolej Komuniti adalah selari dengan kerjaya yang diceburi, sebanyak 71.8% (277 orang) responden bersetuju dengan pernyataan ini, 18.9% (73 orang) responden pula tidak pasti dan sebanyak 9.3% (36 orang) responden tidak bersetuju dengan pernyataan ini.

Bagi pernyataan item PEO1.4 yang menguji tentang program pengajian di Kolej Komuniti membantu responden mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran semasa menjalankan tugas, sebanyak 83.2% (321 orang) responden bersetuju dengan pernyataan ini, 14.2% (55 orang) responden pula tidak pasti dan sebanyak 2.6% (10 orang) responden tidak bersetuju dengan pernyataan ini.

Bagi pernyataan item PEO1.5 yang menguji tentang kecenderungan dan minat responden terhadap bidang perniagaan wujud selepas mengikuti pengajian di Kolej Komuniti,

sebanyak 69.2% (267 orang) responden bersetuju dengan pernyataan ini, 25.6% (99 orang) responden pula tidak pasti dan sebanyak 2.5% (20 orang) responden tidak bersetuju dengan pernyataan ini.

Bagi pernyataan item PEO1.5 yang menguji tentang pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari di Kolej Komuniti membantu responden meneroka dan mengembangkan peluang perniagaan sebagai kerjaya yang mampu menjana pendapatan utama atau sampingan, sebanyak 73.3% (283 orang) responden bersetuju dengan pernyataan ini, 22.3% (86 orang) responden pula tidak pasti dan sebanyak 4.4% (17 orang) responden tidak bersetuju dengan pernyataan ini.

5. Perbincangan

5.1. Objektif 1 : Menilai tentang kelayakan akademik yang dimiliki di Kolej Komuniti melayakkan saya mengisi jawatan/melanjutkan pengajian atau mengikuti kursus lanjutan/professional dalam bidang yang bersesuaian.

Dapatan kajian objektif 1 menunjukkan majoriti responden BERSETUJU dengan item penilaian PEO1.1. Ini menunjukkan bahawa pengajian yang diikuti oleh responden di KKKL membolehkan responden mendapat suatu pekerjaan yang baik dan kerjaya yang dapat menjamin kehidupan pada masa hadapan atau dapat melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Laporan Kajian Pengesanan Graduan KKKL bagi tahun 2018 – 2021 mendapati bahawa sebanyak 72.1% (953 orang) graduan KKKL telah bekerja dan memenuhi sektor-sektor dalam pelbagai kluster pekerjaan dan 28.0% (371 orang) graduan pula memilih untuk meningkatkan lagi kemahiran mereka dengan melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Institusi yang menjadi tumpuan graduan untuk melanjutkan pengajian adalah di politeknik. Terdapat juga segelintir graduan yang memilih untuk melanjutkan pengajian di institusi-institusi pendidikan lain seperti IPTA/IPTS, Institusi Kemahiran MARA (IKM), Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN), Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan lain-lain.

5.2. Objektif 2: Menilai pengetahuan dan kemahiran dalam tugas pekerjaan saya kini adalah hasil dari program yang saya ikuti di Kolej Komuniti.

Dapatan kajian objektif 2 menunjukkan majoriti responden BERSETUJU dengan item penilaian PEO1.2. Ini menunjukkan bahawa pengetahuan dan kemahiran hasil daripada program pengajian yang diikuti oleh responden di Kolej Komuniti membantu responden semasa melaksanakan tugas dalam bidang pekerjaan masing-masing yang mana peratusan melebihi 75% responden bersetuju bahawa ilmu yang dipelajari banyak membantu graduan menyelesaikan tugas mereka dengan sempurna.

5.3. Objektif 3: Menilai tentang pengetahuan dan kemahiran yang saya pelajari di Kolej Komuniti adalah selari dengan kerjaya yang saya ceburi.

Dapatan kajian objektif 3 menunjukkan majoriti responden BERSETUJU dengan item penilaian PEO1.3. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden menceburi bidang kerjaya yang sama dengan bidang pengajian yang diikuti oleh mereka di Kolej Komuniti, di mana peratus persetujuan yang dicatatkan adalah melebihi 70%.

5.4. Objektif 4: Menilai tentang program pengajian di Kolej Komuniti membantu saya mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran semasa menjalankan tugas.

Dapatan kajian objektif 4 menunjukkan majoriti responden BERSETUJU dengan item penilaian PEO1.4. Ini menunjukkan bahawa program pengajian yang diikuti oleh responden membolehkan responden mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran semasa menjalankan tugas dalam bidang pekerjaan masing-masing. Pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dilaksanakan di Kolej Komuniti yang lebih memberi penekanan kepada aktiviti berbentuk amali atau secara *hands-on* berupaya menjadikan graduan Kolej Komuniti mengaplikasikan apa yang dipelajari dengan lebih mudah di lapangan sebenar.

5.5. Objektif 5: Menilai tentang kecenderungan dan minat saya terhadap bidang perniagaan wujud selepas mengikuti pengajian di Kolej Komuniti.

Dapatan kajian objektif 5 menunjukkan majoriti responden BERSETUJU dengan item penilaian PEO1.5. Ini menunjukkan bahawa program pengajian yang diikuti di Kolej Komuniti berupaya memupuk minat responden untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Di Kolej Komuniti, secara keseluruhannya pelajar bukan sahaja dilengkapi dengan ilmu pengetahuan dan praktikal, tetapi pelajar juga diperkenalkan dan diterapkan dengan ilmu keusahawan sebagai satu usaha untuk menggalakkan penglibatan pelajar dan graduan untuk menceburi bidang perniagaan.

Modul keusahawanan juga dimasukkan dalam kurikulum setiap program pengajian di Kolej Komuniti bagi membantu dalam menarik minat pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan/perniagaan setelah tamat pengajian kelak. Pelaksanaan pelbagai program keusahawanan seperti program inkubator dan program "*Doing Bussiness While Study*" sangat membantu mempengaruhi minat pelajar untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan.

5.6. Objektif 6: Menilai tentang pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari di Kolej Komuniti membantu saya meneroka dan mengembangkan peluang perniagaan sebagai kerjaya yang mampu menjana pendapatan utama atau sampingan.

Dapatan kajian objektif 6 menunjukkan majoriti responden BERSETUJU dengan item penilaian PEO1.6. Ini menunjukkan bahawa pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi responden semasa mengikuti pengajian di Kolej Komuniti menjadi faktor yang mendorong mereka untuk meneroka bidang keusahawanan sebagai satu kerjaya yang mempunyai prospek masa hadapan yang cerah. Pelajar yang memulakan perniagaan mereka semasa dalam pengajian misalnya sangat berpotensi untuk memposisikan perniagaan mereka sebagai kerjaya pilihan yang mampu meningkatkan taraf ekonomi negara dengan menawarkan peluang pekerjaan kepada komuniti setempat.

6. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, hasil analisis penilaian pencapaian objektif pendidikan program dalam penghasilan tenaga kerja dan usahawan yang berpengetahuan dan berkemahiran terhadap graduan Kolej Komuniti mencatatkan peratusan yang tinggi daripada responden bagi kesemua item yang dinilai adalah sebanyak 76.1%. Ini adalah selari dengan peranan Kolej Komuniti sebagai salah sebuah institusi penyedia TVET awam di

Malaysia di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Kolej Komuniti memainkan peranan penting dalam menyediakan keperluan latihan dan kemahiran kepada semua peringkat umur dan memberi peluang pendidikan kepada lepasan menengah sebelum meneroka pasaran tenaga kerja atau melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Dapatan kajian ini membolehkan KKKL mengenal pasti tindakan penambahbaikan yang wajar dilaksanakan bagi memastikan hasil yang ditetapkan dapat dicapai oleh kumpulan graduan kohort seterusnya. Tindakan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan adalah merangkumi penelitian semula atau pengubahsuaian terhadap pernyataan PEO yang boleh diselaraskan di peringkat jabatan. Pada masa yang sama, bilangan responden kajian ini juga boleh ditingkatkan lagi dengan penglibatan lebih ramai graduan KKKL bagi membolehkan kepelbagaian respon direkodkan.

Dapatan ini memberikan implikasi melalui penilaian terhadap keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dilaksanakan oleh pensyarah, seterusnya menambahbaik kualiti program pengajian yang ditawarkan di Kolej Komuniti dengan memastikan kurikulum yang digubal adalah terkini serta dapat memenuhi permintaan industri ke arah teknologi IR4.0. Kajian lanjut boleh dibuat oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan melihat kepada trend pencapaian PEO bagi program-program yang ditawarkan di Kolej Komuniti secara keseluruhannya. Manakala, bagi KKKL pula penambahbaikan boleh dilaksanakan terhadap kepelbagaian teknik pengajaran dan pembelajaran supaya potensi pelajar dapat digilap bagi mencapai matlamat objektif pendidikan program.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan Garis Panduan Pelaksanaan Kajian Pencapaian PEO yang disediakan oleh Bahagian Kurikulum (BK), Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti (JPPKK), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada semua individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penyediaan dan pemurnian manuskrip ini termasuk semua warga KKKL dan UKM.

Kewangan (*Funding*)

Penerbitan ini mendapat sokongan kewangan daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di bawah Dana Geran Penyelidikan FPEND (Nombor Geran: GG-2021-K021854).

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dalam penyelidikan dan penerbitan artikel ini.

Rujukan

- Ab-Rahman, M. S., Hwang, I. S., Mohd Yusoff, A. R., Mohamad, A. W., Ihsan, A. K. A. M., Abdul Rahman, J., Mohd Nor, M. J., & Kaharudin, I. H. (2022). A Global Program-Educational-Objectives Comparative Study for Malaysian Electrical and Electronic Engineering Graduates. *Sustainability (Switzerland)*, 14(3), 1280–1309. <https://doi.org/10.3390/su14031280>
- Abbadeni, N., Ghoneim, A., & AlGhamdi, A. (2013). Program Educational Objectives Definition and Assessment for Accreditation Purposes. *International Journal of Engineering Pedagogy (IJEP)*, 3(3), 33. <https://doi.org/10.3991/ijep.v3i3.2777>
- Boone, H. N. J., & Boone, D. A. (2012). Analyzing Likert Data. *Journal of Extension*, 50(2), 30.
- Creswell, J. W. (2018). *Educational research: planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research* (6th ed.). Pearson Education.
- German, J. D., Buan, M. L. O., Carreon, A. B. G., & Ochoa, M. J. D. (2021). Employability and achievement of program educational objectives: A graduate tracer study for industrial engineering (IE), engineering management (EMG), and service engineering management (SEM) programs of an Hei in the Philippines. *Proceedings of the International Conference on Industrial Engineering and Operations Management, 2016*, 2565–2574.
- Hairi, N., Affandi, H. M., & Nasri, N. M. (2019). Identifying instruments to measure programme educational objectives (PEO) achievement in Malaysia. *Universal Journal of Educational Research*, 7(9A), 135–146. <https://doi.org/10.13189/ujer.2019.071616>
- Jayaprakash, S. (2020). Program Educational Objectives Attainment: The Process. *International Journal of Science and Research (IJSR)*, 9(3), 2018–2021. <https://doi.org/10.21275/SR20312164203>
- Makinda, J., Bolong, N., Gungat, L., & Sarman, A. (2011). Assessment of program educational objectives using alumni survey: The UMS experience. *2011 3rd International Congress on Engineering Education: Rethinking Engineering Education, The Way Forward, ICEED 2011*, 14–17. <https://doi.org/10.1109/ICEED.2011.6235351>
- Matore, M. E. E. M., Zainal, M. A., Mohd Noh, M. F., Khairani, A. Z., & Abd Razak, N. (2021). The Development and Psychometric Assessment of Malaysian Youth Adversity Quotient Instrument (MY-AQi) by Combining Rasch Model and Confirmatory Factor Analysis. *IEEE Access*, 9(Mi), 13314–13329. <https://doi.org/10.1109/ACCESS.2021.3050311>
- Pramono, B. N. S. R., Mansor, W., Latip, M. F., Mohamad, H., & Abdullah, S. A. C. (2020). Analysis of Graduates Performance Based on Programme Educational Objective Assessment for an Electrical Engineering Degree. *Asian Journal of University Education*, 16(3), 303–309. <https://doi.org/10.24191/ajue.v16i3.10224>
- Rahman, J. A., Ab-Rahman, M. S., & Yusoff, A. R. M. (2016). A case study of programme educational objectives (PEOs) assessment requirements for the electrical and electronic engineering programme in Malaysian public universities. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 24(April), 251–268.
- Rajak, A., Shrivastava, A. K., Bhardwaj, S., & Tripathi, A. K. (2019). Assessment and Attainment of Program Educational Objectives for Post Graduate Courses. *International Journal of Modern Education and Computer Science*, 11(2), 26–32. <https://doi.org/10.5815/ijmeecs.2019.02.04>
- Sundaram, R. (2015). Process to draft the program educational objectives for

undergraduate engineering degree programs. *2015 IEEE Frontiers in Education Conference (FIE), 2015*, 1–4. <https://doi.org/10.1109/FIE.2015.7344018>